


Belanja Mengurus
(RM128.8 bilion)



RM64 bilion
(Pemberian & kenaikan bayaran tetap)

R32.2 bilion
(Gaji)

RM25.5 bilion
(Perkhidmatan bekalan)

RM2.1 bilion
(Pembelian aset)

RM1.13 bilion
(Lain-lain)

Belanja Pembangunan
(RM48.6 bilion)

▶ Peruntukan Bajet 2008 (RM176.9 bilion)

v.m 8/9/07 m/s 7



Belanja Pembangunan
RM48.6 bilion

Belanja Mengurus
RM128.8 bilion

RM1.1b projek tebatan banjir

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Sejumlah RM1.1 bilion disediakan bagi projek tebatan banjir untuk mengurangkan kejadian banjir di seluruh negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, ini termasuk

projek tebatan banjir di Sungai Muda, Sungai Kelantan, Sungai Damansara, Sungai Prai dan Projek Mengatasi Banjir Kuala Lumpur.

"Selain itu, peruntukan sebanyak RM120 juta disediakan bagi program pemuliharaan dan pembersihan serta

pengindahan sungai di seluruh negara," katanya sewaktu membentangkan Bajet 2008 di Dewan Rakyat hari ini.

Abdullah berkata, kerajaan komited memastikan keseimbangan antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar.

RM9.7b senggara kemudahan awam

KUALA LUMPUR 7 Sept. - Sejumlah RM9.7 bilion diperuntukkan untuk pelbagai jenis penyelenggaraan pada tahun hadapan bertujuan mengurangkan kos dan meningkatkan kecapan penggunaan kemudahan awam.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi memastikan peruntukan itu dimanfaatkan

sempurnanya, kementerian dan agensi tidak dibenarkan memindahkan peruntukan tersebut untuk membiayai aktiviti lain.

"Kerajaan akan memastikan peruntukan penyelenggaraan awam digunakan dengan efisien dan efektif oleh agensi pelaksana.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap penjawat awam yang mengabaikan

kerja-kerja penyelenggaraan," katanya sewaktu membentangkan Bajet 2008 di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, Abdullah berkata, anjakan minda diperlukan bagi memupuk budaya penyelenggaraan.

Katanya, kemudahan kelas pertama yang dimiliki hanya dapat dimanfaatkan sepenuhnya menerusi budaya penyelenggaraan kelas pertama.



Hampir 8,000 nelayan lega

KUALA TERENGGANU 7 Sept. - Hampir 8,000 nelayan di negeri ini menarik nafas lega apabila kerajaan membenarkan golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap membeli rumah melalui peruntukan pinjaman RM50 juta kepada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Bank Simpanan Nasional (BSN).

Golongan itu menyifatkan langkah kerajaan membenarkan mereka yang tidak mempunyai penyata gaji membuat pinjaman perumahan sebagai membuka peluang kepada mereka untuk memiliki kediaman lebih baik.

Malah, mereka tidak sabar menunggu tarikh 1 Januari 2008 untuk mengemukakan permohonan pinjaman bagi membeli kediaman yang lebih sempurna untuk keluarga masing-masing.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (Penentu), Juhari Mohd. Noor berkata, tindakan itu membuktikan kerajaan begitu prihatin terhadap nasib golongan bawahan.

"Sebelum ini, institusi kewangan tidak melayan kami kerana nelayan dan petani tidak mempunyai penyata gaji bulanan menyebabkan permohonan kami untuk membuat pinjaman membeli rumah ditolak mentah-mentah," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas langkah kerajaan membenarkan semua golongan berpendapatan rendah membeli rumah meskipun tidak mempunyai penyata gaji bulanan melalui peruntukan

RM50 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa membentangkan Bajet 2008 di Parlimen hari ini.

Menurut Juhari, langkah tersebut seharusnya disambut baik pelbagai pihak di negara ini kerana ia juga mencerminkan hasrat rakyat terutama nelayan dan petani untuk memiliki kediaman sendiri.

Jelasnya, keprihatinan kerajaan itu memudahkan rakyat untuk memiliki rumah kerana selama ini mereka menghadapi masalah terutama ketika berurusan dengan institusi kewangan.


"Nelayan sekarang terpaksa tinggal di rumah yang kurang sempurna kerana gagal membuat pinjaman perumahan berikutan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan institusi kewangan itu," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Terengganu, Tengku Jalal Tengku Nara berkata, pengumuman tersebut membuktikan kerajaan membela golongan bawahan dan berpendapatan rendah.

Jelasnya, golongan penjaja dan peniaga kecil sememangnya memerlukan rumah tempat berteduh.

"Tetapi kerana kami tidak ada penyata gaji bulanan, maka permohonan kami tidak dilayan oleh institusi kewangan.

"Kami tidak sabar menunggu untuk membeli rumah sendiri menerusi skim pinjaman yang akan ditawarkan oleh BSN dan BIMB," jelasnya.



RM20.6 bilion
(Pertanian, perindustrian,
infrastruktur)

RM15.6 bilion
(Pendidikan, kesihatan,
perumahan)

RM7 bilion
(Keselamatan)

RM2.9 bilion
(Pentadbiran)

RM2 bilion
(Simpanan Luar Jangka)